

# Mahathir perjelas kedudukan MB Kedah

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff, tidak perlu meletak jawatan semata-mata kerana pembinaan depot peluru di Masjid Tanah, Melaka, tidak dibina dengan baik.

Perdana Menteri berkata, Tan Sri Osman Aroff, ketika itu menjadi rakan kongsi perniagaan tidak aktif dalam Sri Kinabalu yang terlibat bagi pembinaan depot berkenaan.

"Beliau tidak aktif dalam syarikat. Seperti biasa, beliau meminjamkan namanya dengan harapan mendapat sedikit sebanyak pendapatan.

"Begitu juga ramai peniaga bukan Melayu menjadikan orang Melayu sebagai pengarah syarikat kerana mahu memberi gambaran bahawa mereka mematuhi Dasar Ekonomi Baru," katanya.

Berucap menggulung perbahasan Rancangan Malaysia Keenam (RM6), Datuk Seri Dr Mahathir mempersoalkan jika Tan Sri Osman perlu meletak jawatan kerana kerosakan depot itu, ini bermakna Encik Lim Kit Siang (DAP-Tanjung) juga perlu berbuat demikian kerana DAP gagal menang di Pulau Pinang.

"Sebagai Pengarah Pilihanraya DAP Pulau Pinang, Encik Lim yang mendakwa DAP akan menang dalam pilihanraya lalu, patut meletak jawatan sebagai Setiausaha Agung DAP dan bersara daripada DAP kerana parti itu kalah," katanya.

Perdana Menteri juga membidas cara kotor Encik Lim, termasuk mengheret nama-nama orang seperti Tan Sri Basir Ismail dan Ananda

Krishnan yang tidak mampu mempertahankan diri dalam Dewan dan mentohmah mereka.

Menurutnya, sebagai orang yang terlatih dalam undang-undang, Encik Lim cekap membuat dakwaan kerana mengetahui dia dilindungi oleh keistimewaan sebagai anggota dewan.

Sebelum itu, ketika menjelaskan mengenai skandal Bumiputra Malaysia Finance Ltd (BMF) yang ditimbulkan oleh Encik Lim, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak dapat menerima laporan Jawatankuasa Penyiasat Bebas mengenai skandal yang membabitkan wang \$2.4 bilion itu kerana laporan berkenaan tidak lagi boleh dipercayai.

Perdana Menteri berkata, memang kerajaan membentuk jawatankuasa bebas, tetapi semua mengetahui dua daripada tiga anggotanya tidak bebas kerana mereka adalah penyokong parti pembangkang dan penyokong bekas Pengerusi Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB).

"Kemungkinan besar laporan itu berat sebelah bagi melindungi orang tertentu kerana pengerusi jawatankuasa itu dan seorang lagi anggotanya, Chooi Mun Sou, menunjukkan sikap antikerajaan dan memihak kepada bekas Pengerusi BBMB itu.

"Kita wajar memberi perhatian serius mengenai pembabitian "orang tertentu" yang disebutkan oleh Lorrain Osman dalam doku-mennya. Lorrain nampaknya marah kerana tuannya bebas dan hidup dalam mahligai, sementara dia meregangkuk dalam penjara."